



**selangorku**

Ruj.Kami:IPK.Sel.40774 (10)  
26 Jamadil Akhir 1439H  
Tarikh : 2 Mac 2018

Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Industri Selangor  
Kampus Berjantai Bestari  
Jalan Timur Tambahan  
**45600 BATANG BERJUNTAI, SELANGOR**

Tuan / Puan,

### **HEBAHAN TAWARAN PROGRAM KHAS BIASISWA SAGONG TASI TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) telah membuka permohonan tawaran biasiswa di bawah **Program Khas Biasiswa Sagong Tasi Tahun 2018** khas bagi mahasiswa keturunan Orang Asli di universiti-universiti terpilih.
3. Sehubungan itu, Pentadbiran ini memohon jasa baik pihak tuan / puan untuk membuat hebahan tawaran ini. Semua pelajar Orang Asli mengikut takrifan Akta 134-Akta Orang Asli Tahun 1954 yang memenuhi syarat kelayakan adalah dipelawa untuk memohon. Borang permohonan yang lengkap boleh dihantar melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) di universiti masing-masing atau terus ke alamat berikut :

Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Cawangan Biasiswa & Pinjaman Pelajaran  
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**Tarikh permohonan : Dibuka sepanjang tahun**

4. Pelajar yang disenarai pendek akan ditemuduga dan pemilihan akan dibuat oleh Lembaga TKWBNS. Bersama-sama ini disertakan borang permohonan untuk tindakan pihak tuan / puan selanjutnya.

..2/

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

5. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, urus setia boleh dihubungi di talian 03-55447543, 03-55447484 atau 03-55212275. Kerjasama dan perhatian tuan / puan berhubung perkara ini didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(HAJI ZAMANI AHMAD BIN HAJI MANSOR)**

**A.M.S**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.